



## Tiada Aduan Kenaikan Harga Kelengkapan Sekolah – KPDNHEP Perak

DECEMBER 20, 2019



**IPOH:** Setakat ini Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak belum menerima sebarang aduan atau rungutan daripada orang ramai berkaitan kenaikan harga barangan kelengkapan persekolahan.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Perak, V Ravichandran berkata hal ini kerana hasil maklumat awal mendapati harga bagi barangan tersebut yang dijual di semua premis di negeri ini masih lagi terkawal.

Menurutnya, hampir 200 premis yang menjual barangan kelengkapan persekolahan di seluruh Perak telah diperiksa dalam operasi yang dijalankan sejak semalam.

Jelas beliau, pemeriksaan kawalan harga barangan tersebut yang dijalankan bersempena dengan musim kembali ke sekolah itu dilaksanakan bermula 18 Disember sehingga 3 Januari depan.

“Sehingga hari ini kita dapati tidak ada aduan awam berkaitan kes peningkatan harga barangan pakaian persekolahan.

“Dari segi hasil pemeriksaan harga setakat ini kita mendapati tidak ada yang melanggar Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011

“Walau bagaimanapun kita akan meneruskan juga pemeriksaan ke atas premis-premis yang ada menjual barangan itu di seluruh negeri,” katanya.





Beliau berkata demikian ketika ditemui pada operasi pemeriksaan kawalan harga barangan persekolahan KPDNHEP Perak di Pasaraya Mydin Meru Raya, di sini, hari ini.

Selain itu katanya lagi, KPDNHEP negeri akan meneruskan kempen pemeriksaan tersebut dengan lebih proaktif di setiap peringkat peruncitan yang menjual barangan persekolahan.

Untuk rekod, tindakan pemeriksaan dijalankan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) 2018, AKHAP 2011.

Penguatkuasaan meliputi 10 item pakaian sekolah yang terdiri seperti Baju kurung sekolah, baju kemeja, kain baju kurung, seluar, tudung, kasut serta stokin.

